

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 1999

**PINDAAN SYARAT LANTIKAN DAN GAJI PERMULAAN
KELAYAKAN SIJIL INSTITUT PERTANIAN (SIP) BARU BAGI
SKIM-SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PERTANIAN
GRED G8, PEMBANTU EHWAL EKONOMI GRED E7,
PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q8 DAN PEMBANTU
TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N9**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda syarat lantikan dan gaji permulaan kelayakan Sijil Institut Pertanian (SIP) baru bagi skim-skim perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G8, Pembantu Ehwai Ekonomi Gred E7, Pembantu Penyelidik Gred Q8 dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N9.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan Sijil Institut Pertanian (SIP) **baru** yang dikeluarkan mulai Jun 1996 oleh Institut Pertanian, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian Negeri Sabah dan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak setaraf dengan kelayakan Sijil Politeknik (Teknikal) dari Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Syarat kelayakan untuk mengikuti kursus SIP ini juga telah dipertingkatkan daripada Sijil Rendah Pelajaran atau yang setaraf dengannya kepada Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya. Selaras dengan keputusan tersebut, maka perbekalan **Syarat Lantikan** dan **gaji permulaan** kelayakan SIP bagi skim-skim perkhidmatan berkenaan perlu dipinda sewajarnya sesuai dengan pengiktirafan tersebut.

PINDAAN

3. Pindaan ke atas perbekalan **Syarat Lantikan** dan **gaji permulaan** kelayakan SIP bagi skim-skim perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G8, Pembantu Ehwat Ekonomi Gred E7, Pembantu Penyelidik Gred Q8 dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N9 meliputi perkara-perkara seperti berikut:-

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>i. Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G8</p> <p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(d)</p> <p>Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G8:P1T2)</p>	<p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(d)</p> <p>Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G8:P1T8)</p>

<p>ii. Skim Perkhidmatan Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E7</p> <p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(c)(iv)</p> <p>Sijil Institut Pertanian dan lulus Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Rendah Pelajaran.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E7:P1T2)</p>	<p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(c)(iv)</p> <p>Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E7:P1T8)</p>
<p>iii. Skim Perkhidmatan Pembantu Penyelidik Gred Q8</p> <p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(e)</p> <p>Sijil Institut Pertanian Malaysia serta lulus Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau lain-lain kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred Q8:P1T2)</p>	<p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(e)</p> <p>Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred Q8:P1T8)</p>
<p>iv. Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)</p> <p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(e)</p> <p>Sijil Institut Pertanian serta kepujian Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N9:P1T2)</p>	<p>Perbekalan Syarat Lantikan 1(e)</p> <p>Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N9:P1T8)</p>

TARIKH KUATKUASA

4. Tarikh kuatkuasa gaji permulaan yang ditetapkan untuk kelayakan **SIP baru** P1T8 ialah pada 1 Julai 1996. Bagi anggota yang memiliki kelayakan **SIP baru** dan dilantik selepas 1 September 1999 iaitu tarikh keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini, gaji permulaannya ialah P1T8.

PELAKSANAAN

5. Anggota yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan diselaraskan ke gaji permulaan kelayakan **SIP baru** mengikut kaedah-kaedah berikut:-
 - 5.1 Lantikan baru bagi anggota yang memiliki kelayakan **SIP baru** ke perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan yang mensyaratkan kelayakan masuk tersebut pada atau selepas 1 September 1999 iaitu dari tarikh keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini diberi gaji permulaan P1T8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi anggota yang dilantik dengan kelayakan **SIP baru** adalah mengikut 4 TPG yang ditetapkan. Contoh TPG bagi tahun berikutnya adalah seperti di [Lampiran A](#).
 - 5.2 Anggota yang sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan **SIP baru** pada atau selepas 1 Julai 1996 dan berada di matagaji P1T7 dan ke bawah dipindahkan ke matagaji permulaan baru P1T8 pada 1 Julai 1996 atau tarikh pelantikan mengikut mana yang berkenaan. TPG asal hendaklah dipinda pada tahun berikutnya selepas pelarasan ke gaji permulaan baru. Contohnya adalah seperti di [Lampiran B1 dan B2](#).
 - 5.3 Bagi anggota yang sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan **SIP baru** pada atau selepas 1 Julai 1996 dan berada di matagaji P1T7 dan ke bawah yang belum disahkan dalam perkhidmatan kerana dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda atau tanpa denda juga diselaraskan ke gaji permulaan baru P1T8. Contoh pelarasan gaji dan perubahan TPG adalah seperti di [Lampiran B3 dan B4](#).
 - 5.4 Anggota yang sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan **SIP lama** dan gajinya berada di matagaji P1T7 dan ke bawah dipindahkan ke matagaji P1T8 dengan syarat telah disahkan dalam perkhidmatan pada 1 Julai 1996. TPG baru anggota berubah pada 1 Julai tahun berikutnya seperti di [Lampiran B5](#).
 - 5.5 Anggota yang sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan **SIP lama** dan gajinya berada di matagaji P1T7 dan ke bawah yang belum disahkan dalam perkhidmatan diselaraskan ke gaji permulaan baru P1T8 pada tarikh anggota tersebut disahkan. TPGnya berubah mengikut tarikh ulang tahun pengesahan perkhidmatan pada tahun berikutnya. Bagi anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatan kerana dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda atau tanpa

denda juga diselaraskan ke gaji permulaan baru P1T8 pada tarikh anggota tersebut disahkan. Contoh pelarasan gaji dan TPG baru anggota berkenaan adalah seperti di [Lampiran B6](#) dan [B7](#).

5.6 Anggota yang sedang berkhidmat dan memiliki **SIP lama** yang TPG asalnya sama dengan tarikh kuatkuasa 1 Julai 1996 dan layak diberi pelarasan gaji hendaklah diberi pergerakan gaji tahunan asal mengikut keputusan Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke gaji permulaan baru P1T8 atau P2T8 atau P3T8 mengikut mana berkenaan. TPG anggota berkenaan akan berubah pada 1 Julai tahun berikutnya. Walau bagaimanapun sekiranya selepas diberi pergerakan gaji tahunan, gaji anggota tersebut berada di matagaji P1T8 atau P2T8 atau P3T8 mengikut mana berkenaan maka gaji anggota itu tidak perlu diselaraskan lagi. Contoh pelarasan gaji anggota berkenaan adalah seperti di [Lampiran B8](#) dan [B9](#).

5.7 Anggota yang sedang berkhidmat dan memiliki kelayakan **SIP lama** dan gajinya berada di matagaji P1T7 dan ke bawah yang layak diberi pelarasan ke gaji permulaan baru pada 1 Julai 1996 dengan TPG asalnya pada 1 Oktober 1996, hendaklah diberi pergerakan gaji mengikut keputusan PPG pada TPG asal tersebut atas gaji baru. TPG anggota yang terlibat berubah pada 1 Julai mulai tahun 1997. Contoh pelarasan gaji dan TPG baru adalah seperti di [Lampiran B10](#).

5.8 Anggota yang sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan **SIP lama** dan gajinya berada di matagaji P1T8 atau P2T8 atau P3T8 dan ke atas mengikut mana berkenaan serta yang berada dalam gred kenaikan pangkat pada 1 Julai 1996 adalah tidak terlibat dalam pelarasan gaji ini.

6. Skim-skim perkhidmatan yang terlibat dengan pindaan-pindaan ini hanya terpakai kepada anggota yang telah memilih terima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB). Anggota yang telah menolak tawaran opsyen SSB adalah kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK). Walau bagaimanapun apabila dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan, anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)

7. Anggota yang dilantik dengan kelayakan SPM/SPMV dan kemudiannya memperoleh kelayakan **SIP baru** semasa dalam perkhidmatan layak diberi HPG mengikut peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1995.


PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka perbekalan **Syarat Lantikan** yang mensyaratkan kelayakan masuk SIP lama bagi skim-skim perkhidmatan berkenaan yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

1 September 1999

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Contoh:

**Tarikh Pergerakan Gaji Bagi Lantikan Baru Pada Atau Selepas 1 September 1999
Mengikut Perenggan 5.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh Lantikan	Tarikh Pergerakan Gaji
1.9.99 – 30.9.99	1.7.2000
1.10.99 – 31.12.99	1.10.2000
1.1.2000 – 31.3.2000	1.1.2001
1.4.2000 – 30.6.2000	1.4.2001

Lampiran B1

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Baru Pada 1 Julai 1996
Mengikut Perenggan 5.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Julai mulai tahun 1997

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
15.6.96	566 (P1T2)		Lantikan dengan SIP baru.
1.7.96		764 (P1T8)	Diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG berubah kepada 1 Julai tahun berikutnya.
1.7.97		797 (P1T9)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.7.98		830 (P1T10)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
15.6.99		830 (P1T10)	Disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.99		863 (P1T11)	PGT. Keputusan PPG mendatar.

Catatan:

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Baru Pada Tarikh Lantikan Selepas 1 Julai 1996
Mengikut Perenggan 5.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
15.4.97	566 (P1T2)	764 (P1T8)	Lantikan dengan SIP baru dan diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG berubah kepada 1 April tahun berikutnya.
1.4.98	599 (P1T3)	797 (P1T9)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
1.4.99	632 (P1T4)	830 (P1T10)	PGT. Keputusan PPG mendatar.

Catatan:

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Baru Pada 1 Julai 1996 Dan Dilanjutkan
Tempoh Percubaan Dengan Berdenda Mengikut Perenggan 5.3
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
15.6.96	566 (P1T2)		Lantikan dengan SIP baru.
1.7.96		764 (P1T8)	Diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG berubah kepada 1 Julai tahun berikutnya.
1.7.97		797 (P1T9)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.7.98		830 (P1T10)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
15.6.99		830 (P1T10)	Dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda.
1.7.99		830 (P1T10) (Dikekalkan)	PGT. Tiada PGT kerana masih dalam tempoh percubaan berdenda.
15.11.99		830 (P1T10)	Disahkan dalam perkhidmatan setelah tamat tempoh percubaan dengan berdenda. TPG berubah kepada 1

			Oktober tahun berikutnya.
1.10.2000		863 (P1T11)	PGT. Keputusan PPG mendatar.

Catatan:

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Baru Pada 1 Julai 1996 Dan Dilanjutkan
Tempoh Percubaan Tanpa Denda Mengikut Perenggan 5.3
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
15.6.96	566 (P1T2)		Lantikan dengan SIP baru
1.7.96		764 (P1T8)	Diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG berubah kepada 1 Julai tahun berikutnya.
1.7.97		797 (P1T9)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.7.98		830 (P1T10)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
15.6.99		830 (P1T10)	Dilanjutkan tempoh percubaan tanpa denda.
1.7.99		863 (P1T11)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
15.10.99		863 (P1T11)	Disahkan dalam perkhidmatan. TPG

			kekal pada 1 Julai.
--	--	--	---------------------

Catatan:

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang berkelayakan SIP Lama Dan Telah Disahkan Dalam
Perkhidmatan Pada 1 Julai 1996 Mengikut Perenggan 5.4
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
1.4.95	665 (P1T5)		TPG asal & telah disahkan dalam perkhidmatan.
1.4.96	703 (P2T5)		PGT menegak.
1.7.96	703 (P2T5)	805 (P2T8)	Pelarasan gaji ke gaji permulaan baru mengikut Peringkat gaji. TPG baru 1 Julai tahun berikutnya.
1.4.97	737 (P2T6)		PGT mendatar - TPG asal.
1.7.97		839 (P2T9)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.4.98	771 (P2T7)		PGT mendatar – TPG asal.
1.7.98		873 (P2T10)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
1.4.99	805 (P2T8)		PGT mendatar – TPG asal.

1.7.99		907 (P2T11)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
---------------	--	-------------	------------------------------

Catatan: Anggota telah menerima PGT mengikut keputusan PPG 1996 pada tarikh kuatkuasa gaji permulaan baru. Oleh kerana gajinya belum melepasi RM805 (P2T8) gajinya diselaraskan kepada P2T8 mengikut Peringkat gajinya pada tahun 1996.

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang Berkelayakan SIP Lama Dan Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan
Pada 1 Julai 1996 Serta Telah Dilanjutkan Tempoh Percubaan
Dengan Berdenda Mengikut Perenggan 5.5
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
1.4.94	500 (P1T2)		Lantikan dengan SIP lama.
1.1.95	566 (P1T2)		Pelarasan gaji mengikut PP 2/96.
1.4.95	599 (P1T3)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.4.96	632 (P1T4)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.7.96	632 (P1T4)		Tidak diselaraskan ke gaji permulaan baru kerana belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.4.97	632 (P1T4) (Dikekalkan)		Dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda.
1.4.98	632 (P1T4) (Dikekalkan)		PGT. Tiada PGT kerana masih dalam tempoh percubaan berdenda.
15.4.98	632 (P1T4)	764 (P1T8)	Disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan berdenda. Diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG berubah kepada 1 April tahun berikutnya.

1.4.99		797 (P1T9)	PGT. Keputusan PPG mendatar
---------------	--	------------	-----------------------------

Catatan:

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

PP 2/96 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Lama Dan Belum Disahkan Dalam
Perkhidmatan Pada 1 Julai 1996 Serta Dilanjutkan Tempoh
Percubaan Tanpa Denda Mengikut Perenggan 5.5
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
15.5.94	500 (P1T2)		Lantikan dengan SIP lama.
1.1.95	566 (P1T2)		Pelarasan gaji mengikut PP 2/96.
1.4.95	599 (P1T3)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.4.96	632 (P1T4)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.7.96	632 (P1T4)		Tidak diselaraskan ke gaji permulaan baru kerana tidak disahkan dalam perkhidmatan.
1.4.97	665 (P1T5)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
15.5.97	665 (P1T5)		Dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda.
1.4.98	698 (P1T6)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar
15.5.98	698 (P1T6)	764 (P1T8)	Disahkan dalam perkhidmatan. Diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG kekal pada 1 April tahun berikutnya.

1.4.99		797 (P1T9)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
---------------	--	------------	------------------------------

Catatan:

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

PP 2/96 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Dan TPG Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Lama Mengikut Perenggan 5.6
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 Julai mulai 1.7.97

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
1.7.95	665 (P1T5)		TPG asal & disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.96	698 (P1T6)		PGT mendatar.
1.7.96		764 (P1T8)	Diselaraskan ke gaji permulaan baru. TPG baru 1 Julai.
1.7.97	731 (P1T7)		PGT mendatar - TPG asal.
1.7.97		797 (P1T9)	PGT. Keputusan PPG mendatar.
1.7.98	764 (P1T8)		PGT mendatar - TPG asal.
1.7.98		830 (P1T10)	PGT. Keputusan PPG mendatar.

1.7.99	797 (P1T9)		PGT mendatar – TPG asal.
1.7.99		863 (P1T11)	PGT. Keputusan PPG mendatar.

Catatan: Anggota telah menerima PGT mengikut keputusan PPG 1996 pada tarikh kuatkuasa gaji permulaan baru. Oleh kerana gajinya belum melepasi RM764 (P1T8), gajinya diselaraskan kepada P1T8 iaitu mengikut Peringkat gajinya pada tahun 1996.

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Dan TPG Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Lama Mengikut Perenggan 5.6
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
1.7.95	731 (P1T7)		TPG asal & telah disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.96	805 (P2T8)		PGT melintang.
1.7.96	805 (P2T8)	Tidak terlibat	Anggota tidak terlibat kerana pada tarikh kuatkuasa baru gajinya telah berada di gaji permulaan baru.
1.7.97	839 (P2T9)	Tidak terlibat	TPG asal mendatar.
1.7.98	873 (P2T10)	Tidak terlibat	PPG mendatar.
1.7.99	907 (P2T11)	Tidak terlibat	PGT mendatar.

Catatan: Anggota telah menerima PGT mengikut keputusan PPG 1996 pada tarikh kuatkuasa gaji permulaan baru. Oleh kerana gajinya berada pada RM805 (P2T8), anggota berkenaan tidak terlibat dalam pelarasan ke gaji permulaan baru.

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh:

**Pelarasan Ke Gaji Permulaan Baru Dan TPG Bagi Anggota Gred G8
Yang Memiliki Kelayakan SIP Lama Mengikut Perenggan 5.7
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1999**

TPG asal : 1 Oktober 1996

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G8 (RM)	Gaji Baru Gred G8 (RM)	Catatan
1.10.95	698 (P1T6)		TPG asal & telah disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.96		764 (P1T8)	Pelarasan ke gaji permulaan baru. TPG berubah 1.7.1997.
1.10.96	731 (P1T7)	*797 (P1T9)	*Keputusan PPG mendatar tahun 1996 dikekalkan pada TPG asal iaitu 1.10.96.
1.7.97		830 (P1T10)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.10.97	764 (P1T8)		PGT mendatar – TPG asal.
1.7.98		863 (P1T11)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.10.98	797 (P1T9)		PGT mendatar – TPG asal.

1.7.99		896 (P1T12)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
---------------	--	-------------	-----------------------------------

Catatan: *Anggota belum menikmati keputusan PPG 1996 selepas tarikh kuatkuasa gaji permulaan baru. Oleh itu, keputusan PPG asal dikekalkan pada TPG asal iaitu 1 Oktober 1996 tahun kalender kuatkuasa gaji permulaan baru.

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji